



LAPORAN TAHUNAN 2009



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Bersama Membangun Negara



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Laporan Tahunan 2 0 0 9

Penerbitan 2010

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2010

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Peti Surat 11833, 50758 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISSN 1675 - 1612

KANDUNGAN

06 NILAI KORPORAT LHDNM

09 TADBIR URUS LHDNM

- 11 PERUTUSAN Pengerusi
- 14 ANGGOTA LEMBAGA
- 16 SEKAPUR SIRIH
- 18 PENGURUSAN ATASAN
- 19 CARTA ORGANISASI



21 PRESTASI HASIL

- 23 Pungutan Hasil
- 25 Kecekapan Pengurusan Cukai
- 26 Pembayaran Balik
- 27 Kaedah Pemungutan Cukai
- 37 Program Pendidikan Cukai
- 42 Perkhidmatan Pelanggan
- 46 Perkhidmatan Elektronik
- 50 Pematuhan Cukai, Pencegahan dan Penguatkuasaan
- 54 Ejen Pemungutan PTPTN
- 55 Hak Pembayar Cukai



57 JARINGAN ANTARABANGSA

65 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

71 PROGRAM KUALITI DAN PENGIKTIRAFAN

77 PERANCANGAN STRATEGIK

83 DIARI HASIL

89 PENYATA KEWANGAN

121 LAMPIRAN

NILAI KORPORAT LHDNM

Nilai Korporat LHDNM dibentuk melalui penjenamaan semula yang melibatkan perubahan Visi, Misi, Dasar Kualiti, Slogan dan pengenalan Moto Perkhidmatan. Penjenamaan semula ini merupakan usaha LHDNM menambah nilai kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan masyarakat serta komitmen untuk mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan setiap fungsi dan tanggungjawab.

Visi

Pentadbir Cukai Terunggul

Misi

Memberi perkhidmatan percukaian yang berkualiti dan berintegriti ke arah meningkatkan pematuhan sukarela

Objektif

Melaksanakan sistem pengurusan percukaian yang berkesan, adil dan saksama

Dasar Kualiti


Berteraskan integriti, kami komited memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan

Slogan

Bersama Membangun Negara

Moto Perkhidmatan

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda



Fungsi

Fungsi LHDNM:

- a. Bertindak sebagai ejen kerajaan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan Lembaga,
- b. Menasihati kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan percukaian dan bekerjasama dengan Kementerian dan badan berkanun berkaitan perkara-perkara tersebut,
- c. Menyertai mesyuarat, perbincangan dan perjanjian tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara,
- d. Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan
- e. Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Tanggungjawab

LHDNM bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut:

- a. Akta Cukai Pendapatan 1967,
- b. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967,
- c. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976,
- d. Akta Setem 1949,
- e. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, dan
- f. Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

LHDNM perlu mematuhi semua Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara-negara luar. Selain itu, LHDNM juga perlu mematuhi semua perundangan yang ada kaitan dengan pentadbiran LHDNM:

- a. Perlembagaan Persekutuan 1957,
- b. Akta Tafsiran 1948 dan 1967,
- c. Akta Had Masa 1953,
- d. Akta Mahkamah Kehakiman 1964,
- e. Akta Syarikat 1965,
- f. Akta Kebankrapan 1967,
- g. Kanun Tanah Negara 1965,
- h. Kanun Acara Jenayah (Akta 593),
- i. Kanun Keseksaan (Akta 574),
- j. Kaedah-kaedah Penggulangan Syarikat 1965,
- k. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, dan
- l. Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Di samping itu, LHDNM masih lagi mentadbir beberapa perundangan yang telah dimansuhkan bagi menyelesaikan kes-kes tahun kebelakangan:

- a. Enakmen Duti Harta Pusaka 1941, dan
- b. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.



Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LHDNM adalah dikawal selia oleh Anggota Lembaga yang terdiri daripada:


- Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga merangkap Pengerusi LHDNM,
- Peguam Negara atau wakilnya,
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya,
- Dua orang lain mewakili Kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan, dan
- Dua orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor swasta.

Anggota Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 11 kali dalam tahun 2009.

Alamat Rasmi

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tingkat 15, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur

Telefon : 03-6209 1000
Faks : 03-6201 3798
Laman Web : www.hasil.gov.my

The background of the page features a series of fluid, overlapping, and intersecting lines in various shades of teal and light blue. These lines create a sense of movement and depth, resembling liquid or smoke captured in time. The overall composition is modern and minimalist.

Tadbir Urus LHDNM

PERUTUSAN PENGGERUSI



Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia
Merangkap Pengerusi
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

PERUTUSAN PENGKERUS

Sejajar dengan langkah kerajaan ke arah mencapai status negara maju berteraskan transformasi dan inovasi, mulai 1 Mac 2009, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah melakarkan arah tuju organisasi dengan penjenamaan semula visi dan misi bermula tahun 2009. Slogan “Bersama Membangun Negara” dibentuk untuk dijadikan nadi kepada perancangan dan pelaksanaan aktiviti dan program 2009 serta masa hadapan. LHDNM telah berfungsi sebagai ejen pemungut hasil cukai langsung negara dalam senario ekonomi global yang mencabar dan pencapaian kutipan hasil 2009 adalah atas usaha gigih dan komitmen padu semua pihak termasuk pelanggan dan rakyat. Hasilnya adalah kutipan cukai sebagai satu sumbangan penting kepada pemangkin pembangunan negara demi keharmonian rakyat.

Inovasi dijadikan teras dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Dalam perspektif ini, LHDNM telah meneruskan dan menambah baik perkhidmatan elektronik dan perkhidmatan *online* untuk memudahkan pembayar cukai menunaikan tanggungjawab percukaian mereka. Pelanggan mendapat manfaat dengan menggunakan kemudahan perkhidmatan *online* dan transaksi adalah lebih mudah kerana “cukai di hujung jari mereka”. Oleh itu, masyarakat disaran menggunakan secara optimum semua kemudahan *online* yang disediakan oleh LHDNM.

Inovasi dari segi strategi untuk mengekalkan keyakinan dan kepercayaan rakyat dalam tadbir urus pentadbiran cukai dilihat menerusi Perancangan Strategik 2009-2013 LHDNM. Aspek khidmat menambah nilai kepada pelanggan, melaksanakan amalan terbaik dan berhemah dalam pengurusan kewangan, memegang prinsip integriti, akauntabiliti dan melahirkan modal insan yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi adalah ciri penting untuk pentadbiran dan pengurusan.


Perancangan strategik juga memberi fokus kepada kaedah pengukuran prestasi melalui Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI). Pendekatan ini akan menyumbang kepada pencapaian visi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul di masa hadapan. “Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda” sebagai moto perkhidmatan LHDNM telah bersandarkan kepada kepentingan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas setiap peringkat pegawai LHDNM. Pendekatan inovasi berhubung kait integriti telah dibuktikan dengan wujudnya Pelan Integriti LHDNM (PIL) yang dijadikan satu komitmen yang amat berharga untuk menjamin tahap profesionalisme pegawai.

Komitmen yang tinggi oleh semua pihak telah menyumbang kepada usaha kerajaan melaksanakan program pembangunan untuk kesejahteraan semua rakyat negara ini. Dengan ini, saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap pengurusan dan kakitangan LHDNM

kerana sentiasa berganding bahu untuk mencapai sasaran kutipan hasil yang ditetapkan kerajaan serta mengamalkan semangat “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ‘Selamat Bersara’ kepada dua orang bekas Anggota Lembaga iaitu YBhg Datuk Nor Bee binti Ariffin dan YBhg Datuk Aziyah binti Bahauddin. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas segala usaha dan komitmen yang telah dicurahkan dalam usaha meletakkan LHDNM sebagai sebuah organisasi yang disegani masa kini. Ucapan ‘Selamat Datang’ ditujukan juga kepada YBhg Dato’ Engku Nor Faizah binti Engku Atek dan YBhg Dato’ Siti Halimah binti Ismail. Semoga dengan kehadiran YBhg Dato’-Dato’ sebagai Ahli Lembaga, LHDNM akan berada di tahap yang lebih cemerlang dan gemilang, setaraf dengan organisasi lain yang bertaraf dunia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga yang memberi khidmat nasihat bernas dan berperanan aktif menerajui kejayaan LHDNM sepanjang tahun 2009. Kepada semua pembayar cukai dan rakyat, saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana telah bersama-sama menyumbang kepada pembangunan demi masa depan negara.



TAN SRI DATO’ SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH



Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Merangkap Pengerusi
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Tan Sri Ismail bin Adam
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



Datuk Aziyah binti Bahauddin
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia
(sehingga 3 Oktober 2009)



Dato' Mohd Salleh bin Mahmud
Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia



Datuk Nor Bee binti Ariffin
Penggubal Undang-Undang Parlimen
Bahagian Gubalan
Jabatan Peguam Negara Malaysia
(sehingga 4 Januari 2009)



Dato' Engku Nor Faizah binti Engku Atek
Penggubal Undang-Undang Parlimen
Bahagian Gubalan
Jabatan Peguam Negara Malaysia
(mulai 15 Januari 2009)



Dato' Siti Halimah binti Ismail
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia
(mulai 4 Oktober 2009)



Datuk Wira Haji Ahmad Rusli bin Joharie
Konsultan Swasta



Dato' Sivalingam a/l Selvadurai
Konsultan Swasta

SEKAPUR SIRIH

Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Pentadbiran cukai langsung negara tahun 2009 dalam persekitaran dan perubahan globalisasi dunia adalah lebih mencabar berbanding tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, pentadbiran LHDNM mengambil pendekatan berteraskan inovasi yang diperkembangkan dalam pengurusan strategik hal kewangan, pelanggan, proses dalaman serta pembelajaran. Perubahan dan kreativiti menerusi budaya inovasi telah menyumbang kepada usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat demi mencapai objektif ketepatan dan memudahkan urusan percukaian mereka.

LHDNM melaksanakan kaedah pengukuran prestasi organisasi melalui pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI). Langkah ini adalah sejajar dengan penekanan terhadap Faktor Kejayaan Kritikal (*Critical Success Factor*) yang diterjemahkan kepada Bidang Keberhasilan Utama atau *Key Result Area* (KRA) dan pemantauan pencapaian objektif KRA ini. KPI LHDNM merupakan komitmen urusan pentadbiran cukai yang mengutamakan prestasi supaya memperoleh *outcome* yang akan mencapai ekspektasi, keperluan serta keyakinan pelanggan.

Tahun 2009 merekod pelbagai usaha LHDNM untuk melangkah ke hadapan dengan lebih pantas secara proaktif dan berinovatif seiring dengan perancangan hala tuju masa hadapan di bawah Perancangan Strategik 2009-2013. Panduan peranan, fungsi dan tanggungjawab LHDNM adalah lebih fokus dengan wujudnya perancangan tersebut. Langkah ini juga berkait rapat dengan penjenamaan semula LHDNM yang berteraskan perubahan visi, misi, dasar kualiti, slogan dan pengenalan moto perkhidmatan LHDNM "Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda".

Usaha untuk memastikan integriti warga LHDNM mencapai tahap yang cemerlang untuk mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan percukaian yang adil dan berkesan sentiasa dititikberatkan. Tahap integriti tersebut akan menentukan warga dan organisasi LHDNM sentiasa disegani dan dihormati. Objektif integriti dijelaskan melalui matlamat strategik kelima dalam Perancangan Strategik LHDNM 2009-

2013 bagi melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi. Manakala fokus integriti direalisasikan menerusi Buku Pelan Integriti LHDNM (PIL) yang dilancarkan pada tahun 2009. PIL yang digubal selari dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) akan berfungsi untuk memantapkan etika dan integriti setiap peringkat warga LHDNM.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga LHDNM, di mana walaupun dalam kegawatan ekonomi negara dalam tahun 2009, LHDNM telah mampu mencapai sasaran kutipan seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan. LHDNM melepasi sasaran serta mengutip sebanyak 2.91% melebihi sasaran yang telah ditetapkan dan menguruskan aktiviti bayaran balik dengan lancar seperti yang dirancang. Oleh kerana LHDNM merupakan ejen kutipan hasil kerajaan yang menyumbang lebih 50% daripada Hasil Persekutuan, adalah diharapkan supaya prestasi ini dapat diteruskan pada masa hadapan demi menjamin kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Saya bagi pihak LHDNM, mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Anggota Lembaga Pengarah di atas sokongan, nasihat serta teguran bagi memantapkan lagi pentadbiran percukaian. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pembayar cukai yang telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik dan memberikan kerjasama yang padu kepada LHDNM dalam usaha ke arah “Bersama Membangun Negara”.



DATO' HASMAH BINTI ABDULLAH

PENGURUSAN ATASAN



Dato' Hasmah binti Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Dato' Che Omar bin A. Rahaman
Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi Percukaian)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia





Shahmin Ta bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Dato' Dr. Siti Mariam binti Che Ayub
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

CARTA ORGANISASI





Prestasi
Hasil

Pungutan Hasil

PERIOD	REVENUE	EXPENSE	NET INCOME
January 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
February 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
March 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
April 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
May 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
June 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
July 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
August 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
September 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
October 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
November 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
December 2007	1,750.00	1,750.00	0.00
Total 2007	21,000.00	21,000.00	0.00
January 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
February 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
March 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
April 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
May 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
June 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
July 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
August 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
September 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
October 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
November 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
December 2008	1,750.00	1,750.00	0.00
Total 2008	21,000.00	21,000.00	0.00
January 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
February 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
March 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
April 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
May 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
June 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
July 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
August 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
September 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
October 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
November 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
December 2009	1,750.00	1,750.00	0.00
Total 2009	21,000.00	21,000.00	0.00
Total 2007-2009	63,000.00	63,000.00	0.00

Dalam tahun 2009, LHDNM berjaya memungut cukai langsung kasar berjumlah RM88.40 bilion. Amaun ini mengalami penurunan sebanyak RM2.25 bilion berbanding tahun lepas berikutan kesan daripada krisis ekonomi global bermula suku tahun ketiga 2008. Walau bagaimanapun, prestasi kutipan cukai langsung bagi tahun 2009 masih berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan oleh

kerajaan. Kutipan cukai bersih sebanyak RM81.02 bilion selepas ditolak Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC), telah melepasi unjuran disemak kerajaan berjumlah RM78.73 bilion sebanyak 2.91%.

Kutipan cukai langsung LHDNM untuk tahun 2009 menyumbang kepada 54.53% daripada anggaran keseluruhan pendapatan Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM162.10* bilion.




*Sumber: Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2010.



Pungutan Hasil

Golongan pembayar cukai syarikat masih merupakan penyumbang utama dan terbesar kepada hasil kerajaan di mana sejumlah RM40.27 bilion dikutip iaitu sebanyak 45.55% daripada hasil kutipan keseluruhan. Ini diikuti oleh cukai pendapatan petroleum dan cukai pendapatan individu dengan masing-masing menyumbang 30.80% dan 17.62%. Peratus sumbangan keseluruhan komponen-komponen cukai terhadap jumlah kutipan cukai langsung adalah seperti rajah di bawah.

Akibat daripada kemelesetan ekonomi, prestasi kutipan kebanyakan komponen cukai langsung telah mengalami penurunan kecuali cukai petroleum, individu dan koperasi. Kutipan cukai petroleum telah meningkat sebanyak 12.57% berbanding tahun 2008. Peningkatan ini adalah kerana syarikat petroleum masih ditaksir berasaskan tahun sebelum dan harga minyak adalah pada tahap tertinggi pada tahun 2008.



PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG MENGIKUT KOMPONEN BAGI TAHUN 2008 DAN 2009

Kecekapan Pengurusan Cukai



LHDNM berusaha mengekalkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan cukai walaupun berhadapan dengan krisis ekonomi global yang tidak menentu. Dalam tahun 2009, kadar kos pengurusan adalah sebanyak RM1.04 bagi setiap RM100 cukai yang dikutip. Pencapaian ini adalah lebih rendah berbanding RM1.17 bagi setiap RM100 cukai yang dikutip dalam tahun 2008. Penurunan ini menunjukkan kecekapan LHDNM dalam pengurusan undang-undang cukai yang diamanahkan oleh kerajaan.



RM3.1 bilion lebih cukai dikembalikan



KUALA LUMPUR 1 Julai – Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengumumkan pembayaran balik lebih cukai sebanyak RM3.1 bilion kepada 323,517 pembayar cukai pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Hasmah Abdullah (gambar) berkata, jumlah itu merangkumi 70 peratus daripada keseluruhan kes pembayaran balik yang mengambil masa antara sebulan hingga tiga bulan. Katanya, pembayaran balik itu dibuat sama ada secara dalam talian atau manual.

"Kita sudah membayar semula lebih dari RM3.1 bilion

bayaran cukai pendapatan masing-masing sehingga tengah malam tadi.

Katanya, jumlah tersebut semakin meningkat dari tahun ke tahun sejak sistem itu mula diperkenalkan pada 2006.

"Sehingga pukul 12 tengah malam tadi, jumlah itu mencecah 1.5 juta dan ia tidak dikira sekali dengan borang yang dihantar secara manual.

"Ia menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Peningkatan mendadak ini menunjukkan sikap positif masyarakat negara ini terhadap kemudahan e-Filing," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Hasmah menegaskan, individu yang gagal melunaskan cukai pendapatan akan dikenakan penalti sebelum

sebagai yang bertanggungjawab.

Sebagai minimum, ia adalah 10 peratus daripada jumlah yang tidak dibayar.

daripada rakatkan peninge- 593 orang pada 2007 (699,922).

meningkat

RM3.1 bilion lebih cukai sudah dibayar

Tahap kesedaran

Petikan Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian

meningkat

Pembayaran Balik

LHDNM meneruskan program operasi percukaian untuk tahun 2009 dengan memberi keutamaan kepada kes bayaran balik cukai tahun semasa kepada pembayar cukai di samping menyelesaikan baki tuntutan bayaran balik untuk tahun kebelakangan. Penekanan kepada aktiviti bayaran balik mengikut tempoh yang ditetapkan ini adalah selaras dengan pengenalan moto perkhidmatan LHDNM untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan juga meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan dalam apa jua senario ekonomi yang dihadapi.

Semua kes bayaran balik untuk tahun semasa akan dibuat tanpa permohonan daripada pembayar cukai dan akan diproses dalam tempoh seperti berikut dengan syarat Borang Nyata (BN) yang diterima adalah lengkap dan teratur:

- 30 hari bekerja dari tarikh BN diterima jika BN diterima secara e-Filing; dan
- 90 hari bekerja dari tarikh BN diterima jika BN diterima secara manual.

Dalam tahun 2009, LHDNM berjaya mengeluarkan 657,707 baucer bayaran balik yang melibatkan RM8,090.18 juta. Jumlah ini merangkumi tuntutan bayaran balik bagi kes individu dan syarikat.

PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

		2009	2008	2007
Selain Syarikat	Bilangan Kes	636,035	531,930	371,042
	Amaun (RM Juta)	1,672.51	1,963.76	1,497.68
Syarikat	Bilangan Kes	21,672	27,021	29,318
	Amaun (RM Juta)	6,417.67	6,595.92	3,896.59

Kaedah Pemungutan Cukai



Sebagai agensi pemungut cukai utama kepada kerajaan, LHDNM bertanggungjawab memastikan cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan dapat dikutip dengan cekap dan berkesan. Hutang cukai atau cukai tertunggak perlu dikekalkan pada kadar yang rendah bagi mencapai sasaran prestasi yang telah ditetapkan. LHDNM telah melaksanakan pelbagai tindakan pemungutan bagi mengurangkan amaun tunggakan cukai ini.

Sehingga 31 Disember 2009, sebanyak 783,529 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki Akaun Belum Terima (ABT) sebanyak 52.45% dan melibatkan amaun sebanyak RM4.72 bilion.

Mekanisme pemungutan cukai yang dilaksanakan bagi memungut cukai semasa dan cukai tertunggak sentiasa diperkemas bagi memastikan keberkesanan aktiviti pemungutan cukai.

Bayaran Ansuran Syarikat
(Anggaran dibuat oleh Syarikat)

	SYARIKAT BARU	SYARIKAT SEDIA ADA	BORANG
Hantar anggaran cukai		30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula bayaran			
Tarikh bayaran			
Pindaan			

Bayaran Ansuran Individu

SELAIN PENGGAJIAN (CP500)	PENGGAJIAN (PCB)
- 6 ansuran dikeluarkan oleh LHDNM - Bayar mulai Mac - Setiap ansuran bayar dalam masa 30 hari - Mohon pindaan sebelum 30 Jun (jika perlu)	- Majikan potong gaji pekerja ikut Kaedah PCB - Bayar sebelum/pada 10 hari (CP 39)

Butiran Yang Perlu Semasa Membayar Cukai

• No. Fail Cukai Pendapatan	• Nama dan No. Kad Pengenalan
• Alamat	• Tahun Taksiran
• No. Jadual Skim Bayaran Ansuran	• Kod Bayaran
• Nombor Ansuran	• Jumlah bayaran

Nota: Simpan resit dan slip bank...

Kaedah Pemungutan Cukai

Pungutan Cukai Melalui Bayaran Ansuran

Terdapat dua kategori pungutan cukai melalui bayaran ansuran:

Pembayar cukai kategori individu yang berpendapatan perniagaan:

- Kutipan cukai adalah secara ansuran dwibulanan menerusi notis bayaran ansuran (Borang CP500) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri;
- Jadual ansuran bermula bulan Mac sehingga Januari tahun berikutnya; dan
- Permohonan pindaan (Borang CP502) boleh dibuat sebelum 30 Jun tahun berkenaan.

Pembayar cukai kategori syarikat, koperasi, badan amanah, unit amanah dan amanah pelaburan:

- Kutipan cukai adalah secara ansuran bulanan berdasarkan anggaran cukai (Borang CP204) yang dikemukakan oleh pembayar cukai;
- Jadual ansuran bermula dari bulan kedua tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran; dan
- Permohonan pindaan boleh dibuat pada bulan keenam atau kesembilan tempoh perakaunan atau pada kedua-dua bulan tersebut.

Kegagalan mematuhi jadual pembayaran ansuran bagi kedua-dua kategori pembayar cukai di atas akan menyebabkan kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas baki ansuran yang tidak dibayar.

ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

	2009	2008
Bilangan Borang CP204 Diterima	276,758	247,483
Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)	36,731.89	32,916.24
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	270,729	224,067
Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta)	1,563.74	1,244.98

* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

** Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

Kaedah Pemungutan Cukai





Potongan Cukai Bulanan

Pembayar cukai individu yang berpendapatan penggajian membuat bayaran cukai melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang dipotong oleh majikan masing-masing daripada saraan bulanan pekerja. Mulai tahun 2009, LHDNM telah melaksanakan PCB 2009 mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994. PCB 2009 bertujuan memastikan bayaran PCB adalah sama atau hampir sama dengan cukai sebenar. Pengiraan amaun PCB ini akan dilaras dengan:

- Memberikan pengecualian kepada elaun/perkuisit/pemberian/manfaat yang dikecualikan cukai (Bajet 2009);
- Memasukkan nilai Manfaat Berupa Barangan (MBB)/Nilai Tempat Kediaman (NTK) sebagai sebahagian daripada saraan (jika berkaitan); dan
- Membenarkan tuntutan potongan/rebat pada mana-mana bulan.

Dalam tahun 2009, pungutan melalui PCB adalah sebanyak RM10,022.82 juta dan ia telah menyumbang kepada 11.34% daripada pungutan cukai langsung.





Kaedah Pemungutan Cukai


Peningkatan dalam pungutan PCB turut disokong melalui penganjuran taklimat dan pendidikan cukai yang berterusan kepada majikan serta penggunaan kemudahan e-PCB, kalkulator PCB dan perisian PCB. Selain itu, LHDNM turut memperluaskan

kemudahan kepada majikan untuk membuat pembayaran PCB melalui perbankan elektronik dan melalui kaunter bank yang dilantik sebagai ejen penerimaan.

PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN

	2009 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	Peratus (%)
Kaunter Bayaran LHDNM			
Jumlah	9,157.66	8,626.22	6.16
Kaunter Bank			
CIMB Bank Berhad	273.88	279.18	-1.90
Public Bank Berhad	402.86	341.38	18.01
Jumlah	676.74	620.56	9.05
Perbankan Internet			
CIMB Bank Berhad	76.11	34.24	122.28
Public Bank Berhad	88.04	73.67	19.51
RHB Bank Berhad	22.48	10.00	124.80
Alliance Bank Berhad	0.28	0	0
Maybank Berhad	1.51	0	0
Jumlah	188.42	117.91	59.80
Jumlah Besar	10,022.82	9,364.69	7.03

Kaedah Pemungutan Cukai




Pungutan Cukai Pegangan

Pungutan cukai bagi beberapa jenis bayaran yang diterima oleh penerima bukan pemastautin daripada pembayar yang bermastautin di Malaysia, dilaksanakan melalui kaedah cukai pegangan. Pungutan cukai pegangan dilaksanakan ke atas jenis-jenis pendapatan di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- Seksyen 107A (bayaran kontrak);
- Seksyen 109/109B (faedah, royalti, bayaran perkhidmatan atau yuran, sewa dan bayaran lain);
- Seksyen 109C (faedah [kecuali faedah yang dikecualikan] dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan); dan
- Seksyen 109D (pengagihan pendapatan daripada Unit Amanah).

Dalam tahun 2009, sejumlah RM1,328.11 juta telah dipungut melalui mekanisme ini.






Kaedah Pemungutan Cukai

Call-Out Centre

Panggilan menerusi *Call-Out Centre* berperanan menghubungi pembayar cukai yang mempunyai hutang cukai yang belum dijelaskan. Tujuan panggilan *Call-Out Centre* adalah:

- Mengingatkan pembayar cukai tentang hutang cukai yang belum dijelaskan;
- Memaklumkan tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil sekiranya bayaran masih gagal dijelaskan; dan
- Membantu pembayar cukai yang menghadapi masalah aliran tunai dengan menjadualkan semula pembayaran ansuran mengikut keupayaan kewangan mereka.

Dalam tahun 2009, sebanyak 52,276 panggilan yang melibatkan amaun tunggakan cukai berjumlah RM597.33 juta telah dibuat. Sebanyak RM229.99 juta pula berjaya dikutip daripada amaun tunggakan tersebut.



Kaedah Pemungutan Cukai



Lawatan Ke Premis

Program lawatan ke premis pembayar cukai dijalankan bagi:

- Menyerahkan surat peringatan tunggakan cukai atau notis tuntutan serta mengadakan rundingan berhubung bayaran dengan pembayar cukai;
- Menasihati pembayar cukai membuat bayaran mengikut kaedah yang dibenarkan;
- Menjelaskan kepada pembayar cukai kesan ketidakpatuhan dan tindakan yang akan diambil sekiranya gagal menyelesaikan tunggakan cukai; dan
- Menyerahkan saman kepada pembayar cukai yang gagal menjelaskan tunggakan setelah notis tuntutan cukai tertunggak dikeluarkan.

Langkah pengesanan maklumat pembayar cukai dibuat melalui semakan Gudang Data LHDNM serta sumber maklumat lain yang bersesuaian sekiranya notis atau saman gagal diserahkan semasa lawatan ke premis tersebut. Tindakan guaman sivil akan diambil sekiranya tiada sebarang maklum balas diperoleh atau pembayar cukai gagal mematuhi jadual pembayaran yang telah dipersetujui.



Kaedah Pemungutan Cukai

Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

Tindakan larangan meninggalkan negara (Seksyen 104, ACP 1967 dan Seksyen 22, Akta CKHT 1976) akan diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai pendapatan dan CKHT serta dipercayai akan meninggalkan negara. Dalam tahun 2009, seramai 2,211 pembayar cukai bagi kategori cukai pendapatan dan 137 pembayar

cukai bagi kategori CKHT telah dikenakan tindakan penguatkuasaan larangan tersebut. Ia melibatkan amaun tunggakan cukai sebanyak RM80.26 juta dan RM1.56 juta masing-masing. Manakala sebanyak 511 kes cukai pendapatan dan CKHT telah ditarik balik sepanjang tahun 2009 disebabkan pembayar cukai telah menjelaskan tanggungan cukai dan melibatkan amaun sebanyak RM8.90 juta.

TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA

	Bilangan Kes Berkuat Kuasa (Tahun 2008 dan Sebelum)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat Kuasa (Januari – Disember 2009)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat Kuasa (Sehingga 2009*)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)
Cukai Pendapatan	40,588	1,268.00	2,211	80.26	42,779	1,348.26
Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)	5,641	130.65	137	1.56	5,778	132.21
Jumlah	46,229	1,398.65	2,348	81.82	48,557	1,480.47

* Bilangan kes berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2009 (termasuk kes sebelum tahun 2009).

Kaedah Pemungutan Cukai



Tindakan Guaman Sivil

Tindakan guaman sivil di bawah ACP 1967 dan Akta CKHT 1976 akan diambil terhadap pembayar cukai yang masih gagal menyelesaikan tanggungan cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan guaman sivil ini dimulakan dengan memfailkan saman serta pernyataan tuntutan di mahkamah tertentu bergantung kepada amaun tanggungan cukai setiap kes. Tindakan guaman sivil akan dikendalikan di mahkamah sehingga penghakiman diperoleh terhadap pembayar cukai.

Dalam tahun 2009, LHDNM telah memfailkan 11,507 saman sivil ke mahkamah. Jumlah saman ini adalah melibatkan kes individu dan syarikat dengan tanggungan cukai berjumlah RM741.00 juta.

Setelah penghakiman diperoleh, tindakan menguatkuasa dan melaksanakan penghakiman seperti berikut akan diambil:

- Tindakan writ saman penyitaan dan penjualan, saman penghutang, atau kebangkrapan bagi pembayar cukai individu; dan
- Tindakan penggulungan bagi pembayar cukai syarikat.

Bagi kes yang telah mendapat perintah kebangkrapan atau penggulungan, bukti hutang akan didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia. Sebanyak 921 kes individu dan 482 kes syarikat telah didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia sepanjang tahun 2009. Dalam tempoh tersebut juga, terdapat kes-kes individu dan syarikat yang telah menyelesaikan cukai sepenuhnya melibatkan jumlah cukai RM84.94 juta dan RM58.25 juta masing-masing.



Kaedah Pemungutan Cukai

TINDAKAN GUAMAN SIVIL				
	2009		2008	
	Bilangan Saman Difaikan	Amaun Cukai (RM Juta)	Bilangan Saman Difaikan	Amaun Cukai (RM Juta)
Individu	9,642	193.01	7,030	140.21
Syarikat	1,865	547.99	1,295	664.62
Jumlah	11,507	741.00	8,325	804.83

TINDAKAN WRIT SAMAN PENYITAAN DAN PENJUALAN, SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN ATAU KEBANKRAPAN		
	2009	2008
Bilangan Kes Terlibat	7,064	2,849
Amaun Cukai (RM Juta)	369.16	259.81
Bilangan Kes Didaftarkan Di Jabatan Insolvency Malaysia	921	1,298
Bilangan Kes Selesai	3,901	1,588
Amaun Cukai (RM Juta)	84.94	39.87

TINDAKAN PENGGULUNGAN SYARIKAT		
	2009	2008
Bilangan Kes Terlibat	372	263
Amaun Cukai (RM Juta)	234.21	190.39
Bilangan Kes Didaftarkan Di Jabatan Insolvency Malaysia	482	258
Bilangan Kes Selesai	133	200
Amaun Cukai (RM Juta)	58.25	95.63


Program Pendidikan Cukai



Program pendidikan cukai dirancang untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pembayar cukai individu, syarikat, ejen cukai, majikan dan bakal pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian. Di samping itu, ia juga bertujuan mendidik pembayar cukai tentang hak dan tanggungjawab mereka serta meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

Taklimat, Bengkel dan Ceramah Percukaian

Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), pembayar cukai akan mengira sendiri tanggungan cukai mereka. Bagi meminimumkan kesilapan yang dibuat dan menggalakkan penggunaan e-Filing, pendidikan cukai disampaikan melalui taklimat, bengkel dan ceramah percukaian. Program ini diadakan secara percuma di semua cawangan LHDNM dan premis pembayar cukai oleh pegawai-pegawai LHDNM yang berpengalaman. Selain taklimat STS/e-Filing, LHDNM juga mengadakan taklimat berkenaan PCB dan taklimat Bajet kepada majikan dan orang awam.



Khidmat Sokongan Peniaga

Bengkel Khidmat Sokongan Peniaga menawarkan program khidmat nasihat kepada golongan peniaga kecil dan sederhana yang tidak diwakili oleh ejen cukai. Ianya meliputi pendidikan berkaitan kaedah penyimpanan rekod perniagaan, penyediaan akaun ringkas perniagaan dan pengiraan serta pembayaran cukai. Program ini telah diperluaskan kepada perkhidmatan kaunter melalui usahasama dengan agensi luar yang berkaitan seperti SME Corporation dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).



Program Pendidikan Cukai


Seminar Percukaian/Seminar Bajet

Seminar percukaian merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan bagi memberi informasi terkini berhubung perubahan undang-undang percukaian. Penyertaan adalah terbuka kepada pengamal percukaian, pemilik syarikat, badan profesional, majikan dan orang awam. Dalam tahun 2009, LHDNM telah mengadakan seminar percukaian kebangsaan di beberapa lokasi terpilih di seluruh negara. Selain itu, LHDNM juga menganjurkan seminar bajet dan ia dijalankan sebaik sahaja pembentangan Bajet Tahunan 2010 dibuat oleh Menteri Kewangan Malaysia.

Pertandingan Pidato Hasil

Pertandingan ini merupakan program tahunan LHDNM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia bagi meningkatkan kesedaran percukaian di kalangan pelajar agar menjadi anggota masyarakat yang celik cukai apabila dewasa kelak. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar-pelajar tingkatan enam sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

Program Pendidikan Cukai



TeleINFO

Maklumat Yang Disediakan Merangkumi Hal Ehwal:
 Fail Cukai Pendapatan
 Penaksiran Cukai Pendapatan
 Pembayaran Cukai Pendapatan
 Borang Nyata Cukai Pendapatan
 Profil Casangan LHDNM

Siapa Yang Boleh Menggunakan Perkhidmatan Ini ?
 Individu
 Pemilik/Tunggal/Bekerja Sendiri
 Perkongsian
 Syarikat
 Majikan
 Ejen Cukai

Masalah Mengira PCB ?
 Hubung Tele Info LHDNM
 03-42893636

Bagaimana Memperolehi Kod Makluman ?
 Kod Makluman digunakan untuk mewakili maklumat yang disediakan dalam Tele Info LHDNM

Senarai Kod Makluman boleh diperolehi melalui:
 Pilihan faks dari Tele Info LHDNM atau
 Laman web LHDNM: www.hasil.gov.my

Kenapa Perlu Guna Tele Info LHDNM ?
 Maklumat percetakan telefon:
 Disediakan 24 jam sehari 7 hari seminggu
 Perkhidmatan faks maklumat secara percuma
 Caj panggilan pada kadar biasa
 Pilihan maklumat dua-bahasa
 (Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris)

Bagaimana Menggunakannya ?

```

    graph TD
        Q1[Adakah Anda Tahu Kod Makluman ?] -- Ya --> A1[Masukkan Kod Makluman]
        A1 --> R1[Denyar atau Petah Untuk Mendapatkan Makluman Melalui Faks]
        Q1 -- Tidak --> A2[Pilihan Untuk Memperolehi Senarai Kod Makluman Melalui Faks]
        A2 --> R2[Sistem Tele Info LHDNM Akan Menghantar Senarai Kod Makluman Dalam Masa 30 Minut Melalui Faks]
    
```

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda

www.hasil.gov.my
 Pusat Panggilan: 1-300-88-3010

Tele Info LHDNM

Perkhidmatan talian Tele Info LHDNM merupakan kemudahan tambahan kepada pembayar cukai mendapatkan maklumat percukaian. Nombor talian untuk perkhidmatan ini ialah **03-4289 3636** yang beroperasi 24 jam sehari. Lebih 600 maklumat cukai disediakan dalam dwi-bahasa (Bahasa Malaysia/Inggeris) dalam bentuk rakaman suara (audio). Pengguna juga boleh membuat pilihan untuk mendapatkan salinan maklumat yang diinginkan melalui kemudahan faks. Setiap panggilan akan dicaj pada kadar biasa manakala perkhidmatan faks disediakan secara percuma untuk pengguna faks di Malaysia sahaja.

Pegawai Perhubungan Cukai

Program pelantikan Pegawai Perhubungan Cukai di kalangan majikan, kerajaan, swasta dan persatuan yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai berfungsi sebagai penghubung dalam menyalurkan maklumat serta meningkatkan pemahaman cukai. Pegawai Perhubungan Cukai adalah dilantik di kalangan Eksekutif Sumber Manusia, Pegawai Perhubungan Awam atau Pegawai Latihan yang boleh dirujuk dengan mudah oleh pekerja lain.



Program Pendidikan Cukai

Hebahan dan Publisiti Menerusi Media

Program publisiti dijalankan untuk meningkatkan imej LHDNM dan menghebahkan maklumat percukaian kepada orang awam. Aktiviti hebahan dan publisiti menerusi pengiklanan dilaksanakan secara berterusan terutama dalam mempromosi musim penghantaran borang nyata dan kempen menggalakan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM. Program publisiti meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Majlis Pelancaran Kempen Perkhidmatan Elektronik LHDNM 2009;

- Program Info Cukai di akhbar-akhbar tempatan pelbagai bahasa dengan siaran setiap hari dalam bulan Mac dan Jun 2009;
- Pengiklanan dalam bentuk komersial televisyen, iklan radio, iklan cetak dan iklan secara online melalui pelbagai saluran media;
- Siaran wawancara LHDNM dalam program terbitan stesen penyiaran televisyen, radio dan akhbar; dan
- Kempen iklan kesedaran cukai melalui akhbar-akhbar tempatan dengan tema 'Insaf dan Syukur'.

PENDIDIKAN CUKAI MENERUSI MEDIA

Aktiviti Pembelajaran	2009	2008
Di Televisyen	13 sesi	15 sesi
Di Radio	17 sesi	8 sesi
Artikel/Info Cukai Di Akhbar	76 siaran	Ditangguhkan
Wawancara Eksklusif	6 sesi	5 sesi
Iklan e-Filing Di Akhbar Utama	13 siaran	11 iklan
Iklan e-Filing Di Televisyen	481 siaran	289 siaran
Iklan e-Filing Di Radio	420 siaran	3,003 siaran
Iklan e-Filing Di Portal Akhbar (2 minggu)	-	5 akhbar
Iklan Kain Rentang e-Filing (4 bulan)	20 lokasi	11 lokasi

Program Pendidikan Cukai



Maklumat Percukaian Melalui Internet

LHDNM juga menyebarkan maklumat percukaian melalui laman web rasmi **www.hasil.gov.my**. Paparan laman web ini sentiasa dikemaskini supaya kandungan maklumatnya adalah selari dengan perkembangan semasa. Dalam tahun 2009, LHDNM melakukan penambahbaikan terhadap laman web sedia ada di mana maklumat telah disusun semula dengan memberi fokus mesra pengguna. Selain itu amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa dijadikan tanda aras bagi meningkatkan kualiti laman web LHDNM agar berkesan dan efektif.

Penerbitan LHDNM

Dalam tahun 2009, LHDNM menerbitkan 13 risalah percukaian dalam format yang lebih ringkas dan mudah. Risalah percukaian diedarkan kepada orang ramai melalui kaunter perkhidmatan di seluruh cawangan LHDNM. *Booklet* e-Perkhidmatan juga dikeluarkan bagi memberi penerangan ringkas mengenai perkhidmatan elektronik LHDNM. Selain itu, LHDNM juga menerbitkan Berita HASiL iaitu majalah rasmi LHDNM untuk edaran dalaman dan agensi luar. Ia dikeluarkan sebanyak tiga kali setahun dan memuatkan aktiviti-aktiviti LHDNM sepanjang tahun. Berita Hasil ini juga boleh dicapai dan dimuat turun daripada laman web LHDNM.



Perkhidmatan Pelanggan

LHDNM sentiasa memberi keutamaan kepada program peningkatan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Perkhidmatan pelanggan yang disediakan oleh LHDNM membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat percukaian dengan mudah dan cepat melalui program-program yang dirancang khas serta melalui penyediaan pelbagai kemudahan lain untuk pembayar cukai.

Pusat Khidmat Hasil

Pusat Khidmat Hasil (PKH) ditubuhkan bagi mengambil alih tugas penyeteman daripada Pejabat Daerah untuk memberi perkhidmatan penyeteman yang lebih efisien, memastikan taksiran dan pungutan duti setem dilakukan secara tepat serta memberikan perkhidmatan percukaian. Kutipan duti setem di PKH mencatatkan peningkatan setiap tahun dan amaun kutipan ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding kutipan di Pejabat Daerah (sebelum penubuhan PKH). Dalam tahun 2009, sebuah lagi PKH telah dibuka iaitu di Tanah Merah, Kelantan dan ini menjadikan jumlah keseluruhan PKH yang beroperasi sebanyak 14 buah.

KUTIPAN DUTI SETEM DI PUSAT KHIDMAT HASIL

PKH dan Tarikh Penubuhan	2009 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	Sebelum Penubuhan PKH (RM Juta)
Manjung (1/4/2004)	15.74	20.26	1.13
Hulu Langat (15/4/2004)	52.10	43.53	1.80
Batu Pahat (1/6/2004)	23.32	23.64	1.79
Kudat (1/7/2005)	0.22	0.22	0.02
Lahad Datu (15/7/2005)	0.86	1.06	0.43
Mukah (26/9/2005)	0.18	0.23	0.04
Limbang (15/11/2005)	1.76	1.50	1.12
Kemaman (5/12/2005)	6.35	5.71	1.07
Bentong (9/7/2007)	7.09	3.54	0.25
Sri Aman (1/10/2007)	1.09	1.07	0.50
Tampin (15/10/2007)	3.47	3.36	0.37
Kuala Pilah (1/1/2008)	1.70	1.81	0.54
Segamat (15/8/2008)	14.11	1.75	0.34
Tanah Merah (1/4/2009)	1.62	-	0.61
Jumlah	129.61	107.68	10.01

Perkhidmatan Pelanggan





Pusat Khidmat Pelanggan

Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) ditubuhkan bagi memberi perkhidmatan percukaian khususnya menerusi telefon dan e-mel. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM dengan mudah melalui talian bebas tol **1-300-88-3010**. LHDNM mempunyai dua lokasi PKP iaitu di Pandan Indah, Kuala Lumpur dan Kuching, Sarawak. Panggilan-panggilan di PKP Pandan Indah akan disalurkan secara automatik ke PKP Kuching sekiranya semua talian di PKP Pandan Indah sibuk.

Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai

Program Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) diadakan bagi memberi bimbingan kepada pembayar cukai berkenaan penggunaan e-Filing dan perkhidmatan elektronik LHDNM, kemudahan semakan profil dan kedudukan lejar serta lain-lain khidmat nasihat percukaian. Program BPPC diadakan dari tempoh 1 Mac hingga 30 Jun 2009 bertempat di kaunter perkhidmatan di semua pejabat LHDNM dan luar pejabat seperti pusat membeli belah, pejabat kerajaan, pejabat swasta, hospital, sekolah dan dewan orang ramai.






Perkhidmatan Pelanggan

Kaunter Bayaran

Bayaran cukai hanya boleh dilakukan di kaunter bayaran LHDNM yang terdapat di tiga pusat kutipan cukai iaitu di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Cawangan Kuching di Sarawak dan Cawangan Kota Kinabalu di Sabah. Kaunter bayaran LHDNM menerima bayaran cukai berbentuk tunai, cek, bank draf atau kiriman wang pos. Pengiriman bayaran cukai melalui pos juga boleh dikemukakan ke cawangan berkenaan.

Selain daripada itu, urusan pembayaran cukai juga boleh dibuat melalui semua kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), EON Bank Berhad dan Maybank Berhad yang telah dilantik sebagai ejen penerima bayaran cukai.



Perkhidmatan Pelanggan



Kaunter Setempat

Perkhidmatan kaunter setempat dikendalikan oleh Unit Khidmat Pelanggan (UKP) di semua cawangan LHDNM bagi membolehkan pembayar cukai mengendalikan semua urusan percukaian di satu lokasi dalam persekitaran yang lebih selesa, mesra dan cepat. Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunter ini, pembayar cukai diberi peluang menyuarakan sebarang pandangan dan aduan melalui Peti Maklum Balas Perkhidmatan dan Peti Aduan/Cadangan yang ditempatkan di semua kaunter LHDNM. Manakala pandangan dan aduan melalui Borang Interaktif boleh dibuat melalui Laman Web LHDNM.

Kaunter Penerangan/Ekspo

Kaunter penerangan LHDNM dibuka bagi mempromosi penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM semasa berlangsungnya beberapa ekspo perdagangan, pameran dan acara keramaian yang dianjurkan oleh kerajaan, badan berkanun serta syarikat swasta. Antara ekspo yang telah disertai sepanjang tahun 2009 ialah Kaunter Promosi Kerajaan Elektronik (EG) anjuran Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Multimedia Development Corporation (MDeC), Kaunter Sempena Persidangan SecurAsia 2009, Kaunter Sempena Hari Polis, Persidangan Ketua-ketua Perwakilan, Kaunter Sempena Minggu Kesedaran Kewangan dan sebagainya.

Pengguna e-Filing melebihi 1.4 juta orang

KUALA LUMPUR - Jumlah pengguna e-Filing Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi urusan pembayaran cukai tahun ini menunjukkan peningkatan 21.8 peratus berbanding tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Hasmah Abdulah berkata, sehingga pukul 1 petang semalam, penghantaran borang melalui e-Filing adalah sebanyak 1,422,197 berbanding 1,166,802 pada tahun lalu.

"Hasil analisis yang kami lakukan, kesan penggunaan e-Filing telah dapat mengurangkan jumlah pembayar cukai yang datang berurusan ke kaunter-kaunter LHDN walaupun pada waktu puncak."

"Ia juga bukti semakin ramai pembayar cukai sudah berurusan baik dari rumah atau pejabat," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Hasmah menjangkakan jumlah pembayar cukai yang menggunakan e-Filing akan mencecah 1.5 juta sehingga 12 tengah malam.

Katanya, bagi memastikan lebih
Petikan Akhbar Kosmo me-
reka



KAKITANGAN LHDN, Wan Zuraini Ismail (kiri) membantu Nor Azahari Shamsuddin mengisi borang cukai pendapatan menggunakan e-Filing di pejabat LHDN Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.

supaya urusan tetap dapat dilakukan pada waktu sesak.

Hasmah juga berkata, kecenderungan orang ramai membayar cukai pada empat hari terakhir mendorong trafik urus

niaga dalam talian naik mendadak.

"Contohnya pada 26 April, pengguna e-Filing berjumlah 89,357 tetapi meningkat kepada 138,222 pada 29 April," katanya.

Katanya, jika keadaan itu berterusan, ia akan menjejaskan pembayaran balik cukai yang patut dikembalikan dalam masa yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 30 hari.


Perkhidmatan Elektronik

e-Filing


Aplikasi e-Filing dikembangkan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan borang nyata secara elektronik. Aplikasi ini dikawal selia oleh ciri-ciri keselamatan berlandaskan Prasarana Kekunci Awam (*Public Key Infrastructure* [PKI]). LHDNM sentiasa memperkemas dan melakukan penambahbaikan terhadap aplikasi e-Filing supaya pembayar cukai boleh menyelesaikan proses pengisian dan penghantaran borang dengan mudah, selamat dan mengambil masa yang lebih singkat.

e-Filing Ejen Cukai


e-Filing Ejen Cukai merupakan aplikasi pengemukaan borang nyata oleh ejen cukai bagi pihak pelanggan mereka secara elektronik. Ejen cukai perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pelanggan mereka terlebih dahulu dengan mengisi Borang Kuasa Pemfailan Penyata Secara Elektronik CP55.




Perkhidmatan Elektronik



e-Bayaran



LHDNM menyediakan kemudahan untuk melakukan pembayaran cukai melalui internet dengan menggunakan khidmat perbankan elektronik. Khidmat perbankan elektronik ini boleh didapati melalui ejen penerima bayaran cukai yang dilantik iaitu CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, Maybank Berhad, Alliance Bank Berhad, EON Bank Berhad, Citi Bank Berhad dan RHB Bank Berhad. Kaedah pembayaran cukai secara elektronik yang telah dilaksanakan adalah pembayaran cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah, kemudahan pembayaran Potongan Cukai Bulanan untuk majikan serta bayaran cukai melalui *Financial Process Exchange* (FPX).




Perkhidmatan Elektronik


STAMPS

STAMPS (*Stamp Assessment and Payment System*) merupakan satu sistem baru yang dibangunkan sebagai penambahbaikan kepada Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH). Sistem ini telah diperkenalkan mulai 16 Februari 2009. STAMPS melibatkan pemodenan proses penyeteman surat cara dalam talian yang merupakan alternatif kepada kaedah penyeteman sedia ada di mana sijil setem dijana dan boleh dicetak oleh pengguna. Buat masa ini STAMPS digunakan untuk memproses surat cara pindah milik harta tanah dan akan diperluaskan kepada semua jenis surat cara pada masa akan datang.

Pengenalan STAMPS berjaya mendorong peningkatan berterusan firma guaman dan ejen berdaftar menggunakan aplikasi secara elektronik ini iaitu peningkatan sebanyak 103.10%. Jumlah transaksi juga melonjak sebanyak 149.95% kepada 453,765 transaksi dan melibatkan kutipan duti setem berjumlah RM962.26 juta.



Perkhidmatan Elektronik



Kalkulator PCB

Kalkulator PCB ialah sistem sokongan untuk membantu pekerja dan majikan mengira PCB. Kaedah ini dapat membantu pengiraan PCB dengan lebih tepat, jika pekerja atau majikan menuntut potongan atau rebat cukai yang dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Aplikasi ini lebih mudah digunakan dan menjimatkan masa untuk mengira PCB berbanding dengan pengiraan secara manual dan amaun PCB akan sama atau hampir sama dengan cukai sebenar.


MySMS

Aplikasi ini merupakan kemudahan SMS berkelompok bagi semua jabatan dan agensi kerajaan yang diuruskan oleh MAMPU. Sebagai permulaan, LHDNM terlibat dengan pemberian perkhidmatan *Information on Demand* (IOD) iaitu pembayar cukai boleh mendapatkan maklumat berkaitan alamat, nombor telefon dan nombor faks semua Cawangan dan Pusat Khidmat Hasil dengan menghantar SMS ke nombor **15888**.

Mulai tahun 2009, perkhidmatan MySMS ini diperluaskan kepada perkhidmatan semakan amaun PCB yang telah dibayar kepada LHDNM. Bayaran sebanyak RM0.35 akan dikenakan bagi setiap SMS.

e-Daftar

e-Daftar merupakan satu lagi inovasi perkhidmatan elektronik LHDNM yang diperkenalkan bagi membolehkan pembayar cukai individu dan syarikat mendaftar fail cukai pendapatan mereka secara *online* melalui internet. Jumlah pembayar cukai yang telah mendaftar fail melalui e-Daftar seperti rajah berikut.







Pematuhan Cukai, Pencegahan Dan Penguatkuasaan

Banci Bisnes

Program Banci Bisnes dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai dengan tujuan untuk meningkatkan kadar pematuhan, membesarkan asas cukai serta mengumpul maklumat asas pembayar cukai.

Di samping itu, khidmat nasihat percukaian juga diberikan kepada pembayar cukai mengenai penyimpanan rekod, undang-undang serta peraturan percukaian yang perlu dipatuhi dan pembelajaran berkaitan potongan cukai yang tepat. Fokus lawatan adalah di lokasi berikut:

- Kawasan perniagaan baru;
- Kawasan perniagaan lama yang belum pernah dilawati; dan
- Kawasan perniagaan berpotensi tinggi.



Pematuhan Cukai, Pencegahan Dan Penguatkuasaan



Audit PCB

Program audit PCB bertujuan memeriksa setiap majikan membuat dan meremitkan potongan cukai daripada saraan bulanan pekerja mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994. Audit PCB dilakukan dengan membuat pemeriksaan rekod gaji pekerja di premis majikan.

Kegagalan majikan mematuhi PCB boleh disabitkan kesalahan di bawah Kaedah 17, Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994. Jika disabitkan kesalahan, denda akan

dikenakan, iaitu tidak melebihi RM1,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala majikan yang gagal meremitkan bayaran sebelum atau pada 10hb pada bulan yang berikutnya boleh dikenakan denda minima RM200 dan tidak melebihi RM2,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Bayaran PCB yang tidak dipotong akan menjadi hutang kepada kerajaan. Oleh itu, hukuman pendakwaan di mahkamah akan dikenakan bagi majikan yang tidak memotong bayaran PCB atau memotong tetapi tidak meremitkan bayaran ke LHDNM.

PENYELESAIAN AUDIT PCB



	Bilangan Majikan Diaudit	Majikan Tidak Patuh		Cukai Kurang Dipotong (RM Juta)	Kempaun (RM Juta)	Jumlah Cukai dan Kempaun (RM Juta)	Bilangan Kesalahan Didakwa Di Mahkamah
		Bilangan	%				
2009	32,424	5,873	18	77.70	12.18	89.88	1,190
2008	27,555	6,793	25	74.96	10.98	85.94	1,721



Pematuhan Cukai, Pencegahan Dan Penguatkuasaan

Audit Cukai

Program audit yang berkesan dan terancang dilaksanakan untuk memastikan pembayar cukai mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan cukai semasa di dalam persekitaran STS. Audit cukai dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu audit luar dan audit meja. Audit luar disusuli dengan surat pemberitahuan lawatan audit memaklumkan lawatan ke premis perniagaan pembayar cukai serta maklumat/ dokumen yang perlu disediakan. Audit meja pula dijalankan di pejabat LHDNM berdasarkan maklumat yang dikemukakan.



Pematuhan Cukai, Pencegahan Dan Penguatkuasaan




Siasatan

Program siasatan dilaksanakan untuk mencegah aktiviti pelarian serta pengelakan cukai. Aktiviti siasatan dilakukan menerusi lawatan mengejut ke premis perniagaan, premis kediaman dan premis-premis lain yang berkaitan dengan perniagaan pembayar cukai. Rekod perniagaan yang berkaitan akan diambil untuk semakan terperinci di pejabat LHDNM. Aktiviti siasatan terbahagi kepada Siasatan Sivill dan Siasatan Jenayah.

Siasatan Sivill dilaksanakan untuk menangani aktiviti pengelakan cukai secara sengaja dan cuai dalam membuat laporan percukaian. Manakala Siasatan Jenayah dilaksanakan untuk mengesan dan menyiasat kegiatan pelarian cukai dengan sengaja dan seterusnya mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah. Tindakan pendakwaan di mahkamah ini diambil ke atas pembayar cukai yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen

113(1), Seksyen 114(1) dan Seksyen 120 ACP 1967. Denda dan hukuman yang akan dikenakan adalah bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen tersebut.


Sepanjang tahun 2009, sebanyak tiga kes Siasatan Jenayah telah diselesaikan dan melibatkan jumlah penyelesaian sebanyak RM0.47 juta. Penyelesaian bagi kes Siasatan Sivill pula adalah seperti rajah di bawah.






Ejen Pemungutan PTPTN

LHDNM telah dilantik menjadi ejen pemungutan pinjaman pendidikan bagi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di bawah Seksyen 25 Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Pada keseluruhannya, jumlah pungutan yang meningkat setiap tahun adalah didorong oleh pertambahan bilangan peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman ke LHDNM secara sukarela.



Hak Pembayar Cukai



Perundangan cukai memberikan hak kepada pembayar cukai mengemukakan bantahan dan rayuan terhadap sesuatu taksiran yang dibangkitkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan.

Sekiranya pembayar cukai masih tidak berpuas hati dengan keputusan LHDNM, mereka boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya

Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dengan mengisi borang Q dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri akan mengemukakan kes tersebut kepada PKCP untuk membuat keputusan. Kedua-dua pihak boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi sekiranya tidak bersetuju dengan keputusan PKCP dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan.

RAYUAN KE PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

Bantahan	Cukai Pendapatan				CKHT	
	Syarikat		Individu*		2009	2008
	2009	2008	2009	2008		
Dalam Proses (b/h)**	12	12	0	2	3	5
Difailkan Dalam Tahun	64	45	24	6	11	6
Jumlah	76	57	24	8	14	11
Selesai	50	45	22	8	10	8
Dalam Proses (h/h)***	26	12	2	0	4	3

* Termasuk badan amanah, pertubuhan dan perkongsian.

** b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya.

*** h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya.

RAYUAN KE MAHKAMAH TINGGI, MAHKAMAH RAYUAN DAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Rayuan	Mahkamah Tinggi		Mahkamah Rayuan		Mahkamah Persekutuan	
	2009	2008	2009	2008	2009	2008
Dalam Proses (b/h)*	47	44	11	10	1	0
Difailkan Dalam Tahun	16	22	13	7	1	1
Jumlah	63	66	24	17	2	1
Selesai	21	19	11	6	1	0
Dalam Proses (h/h)**	42	47	13	11	1	1


* b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya.

** h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya.

The background of the page is an abstract composition of fluid, overlapping teal and white lines that create a sense of movement and depth. The lines vary in opacity and thickness, with some appearing as sharp, dark outlines and others as soft, ethereal washes of color. The overall effect is modern and dynamic, suggesting a global or interconnected theme.

Jaringan Antarabangsa

Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali



Seiring dengan globalisasi dan liberalisasi perdagangan di peringkat antarabangsa, Malaysia memerlukan mekanisme percukaian yang menarik dan kompetitif dalam urusan perdagangannya dengan negara rakan dagang. LHDNM sentiasa terlibat secara aktif sebagai anggota dalam perwakilan Malaysia bagi sebarang perbincangan untuk mewujudkan dan menjalin hubungan baik di peringkat antarabangsa.

Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) merupakan perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Pejanji bagi pengelakan pencukaian dua kali dan pencegahan pelarian fiskal mengenai cukai atas pendapatan. PPPDK memberi kepastian dan jaminan kepada para pelabur asing berkaitan pencukaian pendapatan di Malaysia dan ini akan meningkatkan kemasukan pelaburan asing ke dalam negara. Galakan cukai yang diberikan oleh Malaysia adalah lebih efektif bagi pembayar cukai daripada negara pengeksport modal dengan adanya PPPDK dengan negara-negara tersebut.

PPPDK juga menentukan hak mencukai antara negara pejanji dan memperuntukan kredit cukai atau pelepasan cukai bagi menghapuskan pengenaan cukai dua kali yang melibatkan pemastautin di kedua-dua negara pejanji. PPPDK juga mencegah pelarian dan pengelakan cukai melalui pertukaran maklumat dalam hal-hal percukaian tanpa sempadan antara negara pejanji.

Sehingga kini Malaysia mempunyai 71 PPPDK yang telah ditandatangani dan daripada jumlah tersebut, 65 PPPDK telah berkuatkuasa manakala 6 PPPDK dalam proses ratifikasi oleh kedua-dua negara pejanji. Sepanjang tahun 2009, Malaysia telah menandatangani 2 PPPDK iaitu dengan Brunei dan San Marino.



Jalinan Dan Jaringan Antarabangsa

Malaysia adalah ahli kepada beberapa pertubuhan percukaian antarabangsa iaitu *Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA)*, *Study Group on Asian Tax Administration and Research (SGATAR)* dan *Association of Tax Authorities of Islamic Countries (ATAIC)*. Sepanjang tahun 2009, Malaysia telah menjalin jaringan kerja dengan pentadbir cukai luar negara melalui penglibatan 93 pegawai-pegawai LHDNM di persidangan, mesyuarat, kursus, seminar dan lawatan kerja di Australia, Cameroon, Republik Rakyat China, Perancis, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malawi, Mexico, Morocco, Belanda, Singapura, Switzerland, Thailand dan Vietnam. Kehadiran pegawai LHDNM di peringkat antarabangsa melalui persidangan, mesyuarat, kursus, seminar dan lawatan kerja merupakan peluang bagi pegawai bertukar-tukar pengalaman dan mendapat pendedahan kepada amalan terbaik dan strategi-strategi efektif yang boleh dikongsi bersama.

30th CATA Technical Conference

Persidangan ini adalah merupakan persidangan tahunan CATA dan untuk tahun 2009, *30th CATA Technical Conference* telah diadakan di Lilongwe, Malawi pada 27 September hingga 2 Oktober. Seramai 100 perwakilan daripada 24 negara-negara ahli telah menghadiri persidangan tersebut. Malaysia telah membentangkan kertas kerja bertajuk *The Net Worth Method as an Anti-Tax Evasion Tool* dan *Rapporteur* bagi sub-topik *Specialised Units on Specific Industries, Segments or Risks Areas*.

30th CATA Technical Conference juga telah membincangkan tajuk-tajuk berikut yang bertujuan untuk membantu negara-negara ahli dalam menangani isu-isu terkini percukaian serta mempertingkatkan sistem percukaian masing-masing:

- *Strategies for Taxation of Cash Based Transactions*; dan
- *Current Developments in Organising for Effective Tax Administration*.

Jalanan Dan Jaringan Antarabangsa



LHDNM juga telah menghadiri *11th CATA General Meeting* yang diadakan pada 28 November 2009. Mesyuarat Agong tersebut telah menyaksikan pelantikan baru *CATA Management Committee* bagi sesi 2010 hingga 2012. Malaysia sekali lagi terpilih untuk berkhidmat dalam *CATA Management Committee* bersama Australia, Barbados, Kanada, The Gambia, Lesotho, Malawi, Malta, Nigeria, Papua New Guinea dan United Kingdom. Dalam *11th CATA General Meeting* juga, Malaysia telah terpilih sebagai *Regional Director* untuk mewakili Rantau Asia.

39th SGATAR Meeting

39th SGATAR Meeting yang berlangsung di Bali, Indonesia dari 9 hingga 12 November 2009 telah dihadiri oleh 115 perwakilan daripada 15 ahli-ahli SGATAR. Mesyuarat pada tahun ini telah membincangkan 3 topik iaitu:

- *3rd Party Tax Information Management;*
- *Bilateral Tax Cooperation and Effective Exchange of Information;* dan
- *Practical Problems in Dealing with Personal Income Tax.*

11th SGATAR Working Level Meeting

Mesyuarat ini telah diadakan di Hanoi, Vietnam pada 27 hingga 30 Oktober 2009. Mesyuarat telah membincangkan mengenai pindahan harga dan Malaysia telah membentangkan topik berhubung kemajuan terkini pindahan harga dari perspektif Malaysia. Selain daripada itu, Malaysia juga telah dijemput untuk membentangkan topik khusus mengenai *Resolving with Transfer Pricing Problems (Case Studies)*, *Collection-Process-Use of Data for Analysis*, *Comparison for Transfer Pricing Purposes*. Turut membuat persembahan tajuk khusus adalah wakil dari Australia, Republik Rakyat China, Jepun, Korea Selatan dan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.



Jalinan Dan Jaringan Antarabangsa

6th ATAIC Technical Conference 2009

6th ATAIC Technical Conference telah diadakan di Khartoum, Sudan dari 11 hingga 15 Oktober 2009. Persidangan ini telah dihadiri oleh 60 perwakilan daripada 16 negara ahli dan mendapat liputan yang meluas dalam media massa di Khartoum. Mesyuarat telah membincangkan dua topik iaitu:

- *The Statute of Association of Tax Authority in Islamic Countries*; dan
- *Taxation and Economic Development*.

Malaysia telah membentangkan tajuk *Taxation and Economic Development*. Antara agenda utama persidangan ini adalah perbincangan mengenai draf *ATAIC Statute* untuk kelulusan negara-negara ahli yang hadir. Draf *ATAIC Statute* telah digubal oleh Jawatankuasa Penggubalan *ATAIC Statute* yang terdiri daripada negara-negara ahli iaitu Indonesia, Kuwait, Malaysia, Morocco dan Senegal. Malaysia telah menjadi koordinator bagi jawatankuasa tersebut.

Penyertaan Malaysia di Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah Program United Nations Department of Economic and Social Affairs

Malaysia telah menghadiri *5th Session of Experts on International Cooperation in Tax Matters* pada 19 hingga 23 Oktober 2009. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemaskini artikel-artikel *United Nations Model Double Taxation Convention between Developed and Developing Countries* dan seterusnya menerbitkan Model PPPDK untuk diguna pakai oleh kebanyakan negara-negara maju dan membangun semasa mengadakan rundingan PPPDK.

Jawatankuasa ini terdiri daripada 25 pakar-pakar percukaian antarabangsa yang mana keahliannya diganti setiap empat tahun. Malaysia telah dijemput untuk menganggotai jawatankuasa tersebut memandangkan Malaysia adalah antara negara-negara yang hadir secara aktif dalam kesemua mesyuarat tahunan yang diadakan. Penglibatan Malaysia dalam jawatankuasa ini merupakan landasan bagi menyampaikan pendiriannya selaras dengan polisi PPPDK yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Jalinan Dan Jaringan Antarabangsa



Internationally Agreed Tax Standard Dan Pertukaran Maklumat Yang Telus Dan Efektif

Malaysia telah menyatakan komitmennya untuk mematuhi *Internationally Agreed Tax Standard* kepada pihak OECD pada 6 April 2009. Dalam usaha ke arah mematuhi standard tersebut, Malaysia telah menerima pakai sepenuhnya Artikel 26 (Pertukaran Maklumat) Model OECD 2005 (*OECD Model Tax Convention On Income and On Capital*). Standard tersebut memerlukan pertukaran maklumat percukaian antara pentadbir percukaian/ *tax jurisdictions* dilakukan tanpa dihalangi oleh kepentingan percukaian domestik dan juga kerahsiaan perbankan.

Sehubungan itu, empat Akta akan dipinda iaitu Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996, Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 dan empat Akta baru berkaitan Labuan akan digubal sebagai langkah mematuhi standard tersebut. Di samping itu, Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Permintaan Maklumat) 2009 juga telah diwartakan

bagi menentukan prosedur dalam pertukaran maklumat dengan negara pejanji.

Jabatan Percukaian Antarabangsa, LHDNM dan Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan telah bekerjasama menghubungi negara-negara pejanji bagi menerima pakai Artikel Pertukaran Maklumat Model OECD 2005. Sehingga 31 Disember 2009, Malaysia telah berjaya menandatangani enam Protokol Pertukaran Maklumat dan dua PPPDK yang mengandungi Artikel Pertukaran Maklumat selaras dengan artikel pertukaran maklumat OECD. Protokol Pertukaran Maklumat adalah untuk meminda PPPDK selaras dengan komitmen Malaysia untuk melaksanakan *Internationally Agreed Tax Standard* berkaitan ketelusan dan pertukaran maklumat yang efektif.

The background of the slide features a series of fluid, overlapping, and intersecting lines in various shades of teal and light blue. These lines create a sense of movement and depth, resembling liquid or smoke captured in time. The overall composition is modern and minimalist.

Pembangunan Modal Insan

Program Latihan Dalaman



Modal insan yang berkualiti merupakan elemen penting kepada sesebuah organisasi. LHDNM amat komited terhadap program-program pembangunan modal insan dengan tujuan melahirkan pegawai yang kompeten, profesional, berpengetahuan, mahir, berdisiplin dan berintegriti. Perancangan Strategik Jabatan Sumber Manusia 2009-2013 telah disediakan sebagai garis panduan kepada program pembangunan sumber manusia LHDNM.

LHDNM turut mempunyai institusi latihan yang dikenali sebagai Akademi Percukaian Malaysia (APM) yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program latihan dalam bidang percukaian, pengurusan dan lain-lain bidang yang berkaitan. Pelbagai program latihan dikendalikan oleh tenaga pengajar berkeelayakan melalui pusat latihan seperti berikut:

- Pusat Latihan Akaun dan Audit;
- Pusat Latihan Undang-undang;
- Pusat Latihan Siasatan;
- Pusat Latihan Pengurusan;
- Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai; dan
- Pusat Latihan dan Pembangunan ICT.

Secara keseluruhan, pusat latihan tersebut telah menjalankan 299 kursus dan dihadiri oleh seramai 13,514 orang peserta dalam tahun 2009. Untuk memperkasakan lagi program latihan LHDNM, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Sumber Manusia, juga turut merancang dan mengendalikan program latihan yang berkaitan.

Program Latihan APM	Jumlah Pelaksanaan Kursus	Jumlah Peserta
Pusat Latihan Akaun dan Audit	92	3,100
Pusat Latihan Undang-undang	22	1,600
Pusat Latihan dan Pembangunan ICT	32	1,132
Pusat Latihan Pengurusan	69	4,172
Pusat Latihan Siasatan	60	1,281
Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai	24	2,229
Jumlah	299	13,514



Program Latihan Antarabangsa

Sepanjang tahun 2009, beberapa program latihan usaha sama dengan agensi luar negara telah dianjurkan oleh APM bagi melengkapkan pengetahuan pegawai bersesuaian dengan perubahan semasa. Program tersebut bukan sahaja untuk melatih pegawai LHDNM tetapi juga ditawarkan kepada pentadbir cukai dari luar negara. Antara agensi yang terlibat dalam program latihan usaha sama ini ialah:

- *Japan International Cooperation Agency (JICA);*
- *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD);*
- *Federal Law Enforcement Training Center (FLETC);*
- *Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA); dan*
- *Australian Taxation Office (ATO).*

Malaysia telah menerima jemputan daripada *Cameroon Tax Authority, Ministry of Finance* untuk melatih 30 pegawai pentadbir cukai yang akan terlibat secara langsung dengan rundingan PPPDK negaranya. LHDNM telah menghantar dua pegawai daripada Jabatan Percukaian Antarabangsa, untuk melatih dan berkongsi pengetahuan mengenai *Tax Treaty Negotiations*.


APM juga menganjurkan Seminar Percukaian Nasional dengan kerjasama *Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)*. Ia merupakan seminar percukaian terbesar yang diadakan setiap tahun. APM juga terlibat dalam menjalankan empat program latihan dengan beberapa organisasi dalam negara di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Program Kerjasama



Dalam usaha untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik pegawai LHDNM, APM dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam untuk pegawai LHDNM. Program kerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah dilaksanakan dengan jayanya di mana 30 pegawai LHDNM berjaya memperoleh Diploma Perakaunan UiTM. Kerjasama di peringkat sarjana juga telah dilaksanakan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak UKM ditandatangani pada 10 Disember 2009 di mana pegawai LHDNM yang mengikuti program tersebut telah mendapat pengecualian sembilan jam kredit.


Pada tahun 2009, program pengambilan pegawai terus dilaksanakan sebaik mungkin bagi mendapat tenaga kerja yang terbaik di samping memastikan keberkesanan kos. Seramai 559 orang pegawai telah dilantik bagi mengisi kekosongan pelbagai gred jawatan. Profil sumber manusia di LHDNM sehingga 31 Disember 2009 adalah seperti di bawah.





Program Kualiti Dan Pengiktirafan

Program Kualiti



LHDNM amat menitikberatkan elemen pembudayaan perkhidmatan berkualiti yang berorientasikan pelanggan dalam menjalankan pengurusan percukaian. Sehubungan itu, pelbagai inovasi, pembaharuan dan penambahbaikan dilakukan bagi memantapkan keberkesanan Program Kualiti LHDNM.

Penjenamaan Semula LHDNM

LHDNM melaksanakan penjenamaan semula dengan perubahan visi, misi, dasar kualiti, slogan dan pengenalan moto perkhidmatan LHDNM mulai 1 Januari 2009 sebagai usaha menambah nilai kepada kualiti dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan masyarakat. Penjenamaan semula ini merupakan langkah yang penting untuk membawa LHDNM terus ke hadapan dalam inisiatif menjadi sebuah pentadbir cukai terunggul, selaras dengan perkembangan global.

Pelaksanaan KPI LHDNM 2009

LHDNM melaksanakan pengukuran prestasi 2009 menerusi KPI LHDNM 2009 yang berasaskan prinsip SMART (*Specific, Measurable, Achievable, Realistic* dan *Time Bound*) dan melibatkan ciri pengukuran kualitatif dan kuantitatif untuk setiap proses utama LHDNM.

Pemantauan Keberkesanan Pelaksanaan Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan telah dilaksanakan dan dikemaskini sejak tahun 2008. LHDNM meneruskan usaha memantau keberkesanan pelaksanaan Piagam Pelanggan sebagai salah satu usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.



Program Kualiti


Perancangan Strategik

Fokus hala tuju dan matlamat lima tahun LHDNM akan datang digariskan di bawah Perancangan Strategik 2009-2013. Perancangan ini didokumenkan dan dilancarkan pada 23 Disember 2009.

Pelan Integriti LHDNM

Pelan Integriti LHDNM (PIL) telah digubal dalam usaha mempertingkatkan dan memperkukuhkan integriti di kalangan warga kerja LHDNM. PIL telah digubal selari dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang merupakan pelan induk yang akan menentukan hala tuju gerakan pengukuhan integriti di LHDNM melalui Strategi Pelaksanaan dan Pelan Tindakan yang dirangka. Dengan adanya pelan integriti yang komprehensif ini, ia secara tidak langsung menyahut seruan kerajaan untuk memantapkan integriti dalam sektor awam dan secara khususnya mengambil kira agenda integriti dalam operasi harian LHDNM.

MODEL PIL



Anugerah Kualiti



Sistem Star Rating

Pada tahun 2009, LHDNM telah mendapat penarafan empat bintang melalui penilaian Sistem *Star Rating* (SSR) oleh pihak MAMPU. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan lawatan pasukan penilaian SSR telah dibuat di peringkat Ibu Pejabat serta Cawangan Petaling Jaya. Hasil lawatan tersebut, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi tujuan menambah baik dan memantapkan sistem pengurusan LHDNM.

PIKOM ICT Organisation Excellence Award 2009

LHDNM telah menerima anugerah *PIKOM ICT Organisation Excellence* bagi penggunaan Sistem e-Filing di *PIKOM ICT Leaderships Awards* (PILA) 2009 pada 30 Oktober 2009. *PIKOM ICT Leadership Awards*, merupakan penghargaan dan pengiktirafan

kepada peneraju dalam industri dan komuniti pengguna ICT. Penghargaan ini diberikan kepada individu dan organisasi yang menunjukkan amalan-amalan terbaik ICT dalam industri, kegigihan, komitmen dan strategi perniagaan yang inovatif untuk maju di pasaran tempatan dan global.


Pertandingan Sistem Aplikasi In-House Sempena Hari Inovasi, Integriti dan ICT Kementerian Kewangan

Sistem Pemantauan Bayaran Balik (SPBB) untuk individu yang dibangunkan oleh LHDNM telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Sistem Aplikasi *In-House*. Kemenangan ini telah diumumkan pada sambutan Hari Inovasi, Integriti dan ICT Kementerian Kewangan pada 17 November 2009 yang diadakan di Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya.



Perancangan Strategik

Perancangan Strategik 2009-2013




Perancangan Strategik 2009-2013 LHDNM dibangunkan sebagai panduan kepada peranan, fungsi dan tanggungjawab LHDNM yang diterjemahkan kepada tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan pada masa hadapan. Perancangan Strategik ini menjelaskan fokus dan perspektif yang lebih menyeluruh untuk perancangan akan datang serta menentukan hala tuju dan visi LHDNM. Pendekatan ini akan menyumbang kepada pengawalan dan pengagihan sumber yang terhad secara lebih cekap supaya sentiasa selari dengan keperluan pelaksanaan program dan aktiviti yang melibatkan hasil dan produktiviti setiap fungsi teras.

Perancangan Strategik dibentuk berasaskan perspektif *Balanced Scorecard* yang memberi penekanan terhadap Bidang Keberhasilan Utama (Key Result Area [KRA]) berhubung pelanggan, kewangan, proses dalaman serta pembelajaran

dan pengembangan. Dengan melaksanakan inisiatif di bawah strategi yang dikenal pasti, LHDNM akan memantau pencapaian KRA ini melalui Penunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators [KPI]).





Perancangan Strategik 2009-2013

Di bawah Perancangan Strategik, LHDNM telah mengariskan Pelan Strategik yang ditetapkan melalui analisis aliran utama persekitaran luaran yang mempengaruhi keupayaan LHDNM untuk tempoh 2009-2013 seperti berikut:

- Perubahan perundangan;
- Perkembangan data elektronik, interaksi atas talian serta risiko keselamatan yang berkaitan;
- Perubahan globalisasi yang pesat;
- Amalan terbaik kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan mengikut taraf piawaian global;
- Tadbir urus yang mantap; dan
- *k-Knowledge*.

Pelan Strategik berperanan:

- Meninjau masalah, peluang dan risiko yang timbul daripada aliran utama persekitaran luaran tersebut yang boleh memberi impak ke atas aliran hasil dan kos serta inisiatif dalam meneroka peluang atau mengatasi risiko tersebut;
- Menggariskan objektif strategik untuk aspek kewangan, pelanggan (atau asas cukai), proses dalaman dan modal insan serta pencapaian utama atau key deliverables/KPI; dan

- Mengenal pasti empat teras strategik yang digunakan dalam membentuk Peta Strategik 2009-2013, iaitu:

- Mengukuhkan keupayaan organisasi;
- Meningkatkan kecemerlangan operasi dan perkhidmatan;
- Memperluaskan asas cukai/ Merapatkan jurang cukai; dan
- Meningkatkan kutipan cukai langsung.

Peta Strategik ini adalah bahagian penting Perancangan Strategik kerana ia menggariskan laluan yang menghubungkan semua strategi dan inisiatif untuk memastikan strategi yang dilaksanakan adalah selari dengan matlamat yang ditetapkan.

Oleh itu, berpandukan Perancangan Strategik 2009-2013, tanggungjawab LHDNM dalam pentadbiran cukai akan lebih strategik kerana fokus akan ditumpukan kepada rangkaian strategik dan faktor-faktor penentu kejayaan organisasi. Faktor ini menyumbang kepada langkah LHDNM yang lebih responsif untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada rakyat.

Pelanggan

- Meningkatkan/mengekalkan asas cukai yang menyumbang 80% kepada hasil;
- Mengaudit 20% daripada pembayar cukai berdaftar;
- Melaksanakan strategi mengikut masa yang ditetapkan;
- Memperluaskan asas cukai;
- Mengurangkan kerugian cukai;
- Memudahkan cukai masa kini;
- Melaksanakan penjenamaan korporat;
- Melaksanakan komunikasi/pendidikan/program penyampaian;
- Melaksanakan siasatan jenayah dan pendakwaan;
- Meningkatkan pematuhan; dan
- Memberi tumpuan kepada Industri Kecil Sederhana (IKS)/perkongsian/pemilik tunggal.

Kewangan

- Merapatkan peratusan jurang cukai;
- Meningkatkan kecekapan operasi; dan
- Mengurangkan/menghapuskan tunggakan cukai.

Proses Dalaman

- Melaksanakan maklumat bersepadu/pengurusan pengetahuan;
- Melaksanakan proses berorientasikan pelanggan;
- Menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan bernilai tambah;
- Meningkatkan proses pengumpulan data;
- Menggunakan *Technology Enabled Tools*;
- Menguruskan hartanah/aset bagi menjamin persekitaran kerja yang kondusif kepada pekerja dan pelanggan;
- Meningkatkan langkah keselamatan bangunan/aset; dan
- Menyediakan Pelan Kesyinambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan*).

Pembelajaran dan Pengembangan

- Mewujudkan *Job Person Match*;
- Pembangunan kepakaran;
- Menyediakan laluan kerjaya;
- Menjalankan pembangunan dan penyelidikan;
- Mengkaji Skim Perlindungan Cukai (*Tax Shelter Scheme*);
- Melaksanakan Pelan Penggantian (*Talent Management*);
- Meningkatkan tenaga kerja berintegriti tinggi;
- Memperkenalkan cukai baru; dan
- Mendalami *e-Commerce*.

Diari
Hasil

13 JANUARI 2009 - BANDAR BARU BANGI

LHDNM-JICA: Tax Awareness And Tax Education

Para peserta kursus sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh penceramah.



23 FEBRUARI 2009 - TELUK INTAN

Operasi Bersepadu Tunggakan Hasil 2009

Encik Mohd Nizom bin Sairi, Pengarah Negeri Perak melancarkan operasi.



19 MAC 2009 - PUTRAJAYA

Pelancaran Kempen Perkhidmatan Elektronik LHDNM

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Menteri Kewangan Malaysia melihat *booklet* e-Perkhidmatan LHDNM seurus selepas majlis perasmian.



30 APRIL 2009 - KOTA KINABALU

Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) 2009

Pembayar cukai menggunakan perkhidmatan e-Filing yang disediakan di kaunter BPPC Cawangan Kota Kinabalu.





2 MEI 2009 - KUALA LUMPUR

Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan

Sebahagian kontinjen LHDNM yang mengambil bahagian dalam perhimpunan di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

30 JUN 2009 - JALAN DUTA

Majlis Penghargaan Kepada Media

YB Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil media.



10 JULAI 2009 - PORT DICKSON

Bengkel Potongan Cukai Bulanan (PCB) Kepada Media

Pegawai LHDNM menyampaikan taklimat PCB kepada peserta bengkel.

4 OGOS 2009 - KUALA LUMPUR

National Tax Conference 2009

YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II melawat kaunter pameran LHDNM selepas majlis perasmian persidangan.



11 OGOS 2009 - PUTRAJAYA

Pertandingan Pidato Hasil Peringkat Kebangsaan 2009

YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia bergambar kenangan bersama peserta pidato.



28 OGOS 2009 - JALAN DUTA

Majlis Berbuka Puasa LHDNM 2009

Penyampaian sumbangan cek oleh YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia kepada wakil Rumah Titian Kaseh sempena Majlis Berbuka Puasa LHDNM 2009.

9 SEPTEMBER 2009 - JALAN DUTA

Majlis Berbuka Puasa Anjuran Persatuan Kebajikan Islam (PERKIS) Hasil Dalam Negeri

YBhg Dato' Che Omar bin A. Rahaman, Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan) LHDNM menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim.



17 OKTOBER 2009 - PUTRAJAYA

Hari Inovasi, Integriti & ICT Kementerian Kewangan

YB Dato' Seri Ahmad Husni menyampaikan hadiah kemenangan pertandingan Sistem Aplikasi *In-House* kepada YBhg Dato' Hasmah yang mewakili LHDNM.

24 OKTOBER 2009 - KUALA LUMPUR

Taklimat Bajet 2010

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah LHDNM melafazkan bacaan ikrar sebelum taklimat bermula.



27 OKTOBER 2009 - KUALA LUMPUR

Seminar Percukaian Kebangsaan 2009

YB Dato' Seri Ahmad Husni merasmikan Seminar Percukaian Kebangsaan 2009.



23 DISEMBER 2009 - KUALA LUMPUR

Pelancaran Buku Perancangan Strategik 2009-2013 dan Buku Pelan Integriti LHDNM

YB Dato' Dr. Awang Adek membaca buku Perancangan Strategik 2009-2013 seurus selepas majlis perasmian.



Penyata Kewangan



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2009 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA
12 JULAI 2010

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga

Kami **TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH** dan **DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2009 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Pengerusi

14 April 2010

Kuala Lumpur



DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD
Anggota Lembaga

14 April 2010

Kuala Lumpur

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **ZAKARIA BIN A. SAMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas, Zakaria bin A. Samad)
di Kuala Lumpur)
Pada 14 April 2010)



ZAKARIA BIN A. SAMAD

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH



**TEOH AI SUAN
PESURUHJAYA SUMPAH
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
KUALA LUMPUR**

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	3	954,719,083	815,435,609
PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN	4	819,913	795,077
		955,538,996	816,230,686
ASET SEMASA			
Pinjaman Kepada Kakitangan	4	473,691	945,061
Wang Cagaran dan Prabayar	5	3,868,316	3,701,950
Bayaran Pendahuluan	6	26,453,731	17,922,441
Pelbagai Penghutang	7	31,301,487	168,360
Faedah Terakru Pelaburan		458,341	308,175
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	8	219,785,000	292,575,000
Wang Tunai dan Baki Bank		6,062,738	8,566,797
JUMLAH ASET SEMASA		288,403,304	324,187,784
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang	9	117,159,213	164,728,963
Pinjaman Berjangka	10	47,536,223	48,297,421
Peruntukan Yuran Audit		80,000	80,000
Peruntukan Hutang Ragu/Hapuskira		91,846	100,344
Deposit	11	5,441,812	7,744,441
JUMLAH LIABILITI SEMASA		170,309,094	220,951,169
ASET SEMASA BERSIH		118,094,210	103,236,615
JUMLAH ASET BERSIH		1,073,633,206	919,467,301
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Pembangunan	12	520,375,644	472,105,290
Kumpulan Wang Amanah	13	3,195,272	2,758,992
Kumpulan Wang Lain	14	36,000,000	36,000,000
Rezab Penilaian Aset		66,609,759	36,877,826
Lebihan Terkumpul	15	245,791,327	186,840,881
		871,972,002	734,582,989
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman Berjangka	10	201,661,204	184,884,312
		1,073,633,206	919,467,301

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
Hasil	16	1,264,283,236	1,063,386,592
Pendapatan Operasi Lain		454,490	458,091
Kos Kakitangan	17	(546,379,909)	(644,942,859)
Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		(30,672,743)	(38,310,071)
Perbelanjaan Operasi Lain		(615,643,540)	(363,921,911)
Lebihan/(Kurangan) Daripada Operasi		72,041,534	16,669,842
Kos Kewangan		(19,130,879)	(13,841,938)
Pendapatan Dari Pelaburan Dan Pinjaman		6,039,791	7,388,814
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		58,950,446	10,216,718

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Lain	Rezab Penilaian Aset	Lebihan/ (Kurangan) Terkumpul	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2008	271,722,679	2,258,752	36,000,000	36,877,826	176,624,163	523,483,420
Lebihan/(Kurangan) Semasa	200,382,611	500,240	-	-	10,216,718	211,099,569
Penilaian Tanah	-	-	-	-	-	-
Penilaian Bangunan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	472,105,290	2,758,992	36,000,000	36,877,826	186,840,881	734,582,989
Lebihan/(Kurangan) Semasa	48,270,354	436,280	-	-	58,950,446	107,657,080
Penilaian Tanah	-	-	-	27,810,960	-	27,810,960
Penilaian Bangunan	-	-	-	1,920,973	-	1,920,973
Baki pada 31 Disember 2009	520,375,644	3,195,272	36,000,000	66,609,759	245,791,327	871,972,002

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Terimaan Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Pendapatan Lain	18	1,144,221,343	1,036,530,040
Bayaran Kepada Pembekal dan Kakitangan	19	(1,140,150,885)	(966,028,591)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI		4,070,458	70,501,449
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(58,824,796)	(248,627,732)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		128,270	248,906
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		5,889,625	7,673,406
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN		(52,806,901)	(240,705,420)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Kumpulan Wang Pembangunan		(24,433,310)	159,945,100
Kumpulan Wang Amanah		449,382	516,335
Terimaan Pembiayaan Pinjaman Berjangka		67,785,000	176,015,000
Pembayaran Pinjaman Berjangka		(51,769,306)	(38,494,726)
Pinjaman Kepada Kakitangan		441,484	929,732
Kos Kewangan Dibayar		(19,030,866)	(13,282,932)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		(26,557,616)	285,628,509
(Pengurangan)/Pertambahan Bersih Tunai		(75,294,059)	115,424,538
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		301,141,797	185,717,259
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		225,847,738	301,141,797

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar persisir Labuan, duti setem, duti harta pesaka dan cukai-cukai lain.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Asas Perakaunan

Penyata Kewangan LHDNM telah disediakan mengikut:

- i. Kelaziman kos sejarah; dan
- ii. Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) iaitu *Private Entity Reporting Standards* (PERS).

Penyediaan Penyata Kewangan yang mematuhi *Private Entity Reporting Standards* (PERS) memerlukan perubahan polisi perakaunan berdasarkan piawaian perakaunan yang baru. Kesan piawaian perakaunan baru ke atas polisi perakaunan sedia ada di Penyata Kewangan LHDNM seperti dinyatakan di Nota 23.

